



TEKS UCAPAN PERASMIAN
PROGRAM SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA
2021,
PERINGKAT NEGERI JOHOR

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

**Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati
sekalian,**

- 1. Terlebih dahulu izinkan saya merakamkan rasa syukur kepada Allah SWT kerana telah memberi peluang kepada saya untuk memberi sepatah dua kata bersempena dengan Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2021 Peringkat Negeri Johor. Dalam masa yang sama, saya juga berharap anda semua berada dalam kesihatan yang baik di samping keluarga tercinta di dalam tempoh yang mencabar ini.**
- 2. Untuk makluman semua, Hari Alam Sekitar Sedunia disambut setiap tahun pada 5 Jun dan merupakan acara tahunan Jabatan Alam Sekitar yang dianjurkan di seluruh negara sama ada di Peringkat Kebangsaan mahupun di Peringkat Negeri dengan kerjasama pelbagai pihak. Tema Hari Alam Sekitar Sedunia pada tahun ini ialah “Pemulihan Ekosistem”.**

3. Kesejahteraan manusia dan bumi ini bergantung dengan kesihatan ekosistem. Pemulihan ekosistem bermaksud menghidupkan kembali ekosistem yang telah dan semakin merosot - misalnya dengan menanam pokok, membersihkan tebing sungai, atau hanya dengan memberi ruang untuk alam semula jadi kembali pulih. Justeru itu, kita perlu bertindak sekarang kerana tanpa pemulihan semula ekosistem ini, kita akan diancam dengan pelbagai masalah seperti perubahan iklim, kehilangan sumber alam semula jadi dan pencemaran ini akan memusnahkan kelestarian kehidupan kita di muka bumi ini. Tetapi, ekosistem kita ini adalah kompleks dan sangat bervariasi, oleh itu pemulihannya memerlukan perancangan yang teliti dan pelaksanaan yang konsisten. Sehubungan itu, saya menyeru setiap individu, organisasi kerajaan mahupun swasta sama sama bergabung dalam gerakan global untuk memulihkan ekosistem kita bagi menjamin masa depan yang lestari untuk kita semua dan generasi akan datang.

4. Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian, Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia pada tahun ini disambut secara sederhana kerana Negara kita masih lagi sedang berhadapan dengan pandemik COVID 19,

Justeru itu, saya ingin mengajak khususnya kepada semua rakyat Negeri Johor untuk bersama-sama menyambut Hari Alam Sekitar Sedunia ini dengan menghiasi rumah, tempat perniagaan, sekolah, atau tempat awam di sekitar kediaman anda dengan menanam pokok-pokok, Selain itu, aktiviti-aktiviti sukarela dan gotong royong seperti membersihkan tasik, pantai-pantai, taman-taman atau kawasan semula jadi yang lain boleh dan digalakkan untuk dilaksanakan,

- 5. Di samping itu, tuan-tuan dan puan-puan digalakkan untuk memilih produk-produk atau perkhidmatan-perkhidmatan yang diperakui sebagai lestari yang boleh membantu kita memelihara dan memulihara ekosistem di sekeliling kita.**
- 6. Tuan-tuan dan Puan-Puan, Jika kita tidak mengubah cara hidup kita, dan berusaha untuk memulihkan ekosistem, kita bukan sahaja akan memusnahkan alam semulajadi yang kita cintai, kita juga akan merosakkan asas kesejahteraan kita sendiri dan mewariskan bumi yang semakin tenat kepada generasi akan datang.**

- 7. Akhir kata, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada anda semua yang bakal bersama -sama menyambut dan merealisasikan sambutan ini. Semoga sambutan ini dapat disambut baik oleh semua lapisan rakyat Negeri Johor bagi memberi sokongan atas usaha memulihkan ekosistem bumi kita yang tercinta ini.**

- 8. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2021 Peringkat Negeri Johor.**

- 9. Sekian, terima kasih.**